BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen : 08/02/26 (BN)

Embargo : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 21 Ogos 2002

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua Tahun 2002

Pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku kedua …

Ekonomi Malaysia bertambah kukuh pada suku kedua tahun 2002. Permintaan dalam negeri yang terus teguh dan pemulihan ekport telah meningkatkan pertumbuhan tahunan KDNK benar kepada 3.8% pada suku kedua, daripada 1.1% pada suku pertama.

2. Perbelanjaan penggunaan adalah menyeluruh di seluruh negara dan menjadi bertambah penting sebagai sumber utama pertumbuhan ekonomi pada suku tersebut. Perbelanjaan penggunaan swasta meningkat dengan kadar yang lebih tinggi sebanyak 5.6% (1S: 3%). Pendapatan benar yang lebih tinggi hasil daripada operasi pengembangan fiskal Kerajaan, peningkatan jumlah eksport dan harga komoditi yang lebih tinggi, kadar faedah yang rendah dan saluran pembiayaan pinjaman yang lebih mudah merupakan perangsang kepada pertumbuhan penggunaan swasta. Perkembangan penting pada suku ini adalah kesan yang ketara ke atas

pendapatan berikutan jumlah eksport dan harga yang lebih baik. Untuk kali pertamanya sejak suku pertama tahun 2001, eksport mencatatkan pertumbuhan tahunan yang positif sebanyak 5.3% disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh untuk eksport elektronik dan terma dagangan yang positif hasil daripada harga yang lebih tinggi untuk minyak sawit, getah, koko dan kayu balak. Kesan harga komoditi yang lebih tinggi ke atas pendapatan sektor luar bandar dan penggunaan adalah begitu ketara. Penggunaan awam juga lebih tinggi sebanyak 15.4% disebabkan oleh pelarasan gaji kakitangan kerajaan dan tambahan bekalan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pendorong fiskal.

3. Dari segi pelaburan, penurunan dalam jumlah pembentukan modal tetap kasar jauh lebih sederhana sebanyak 2.1% pada suku kedua (S1 2002: -8.5%). Bagi sektor swasta, syarikat-syarikat terus menggunakan kapasiti yang sedia ada untuk memenuhi kenaikan dalam permintaan. Hasilnya, penggunaan kapasiti menjadi lebih tinggi. Kadar faedah yang rendah dan insentif fiskal terus memberi sokongan kepada pelaburan bagi pembinaan rumah kediaman. Pelaburan adalah dikekalkan untuk subsektor seperti minyak dan gas; pengangkutan; dan perdagangan borong dan runcit. Import barangan modal dan kadar penggunaan kapasiti juga telah meningkat. Pelaburan oleh sektor awam adalah lebih tinggi berikutan peningkatan ketara dalam perbelanjaan pembangunan sebanyak 42.5% pada suku kedua. Lebih kurang separuh daripada perbelanjaan tersebut adalah bagi pembiayaan pembangunan perkhidmatan sosial seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan.

Pertumbuhan yang mapan dalam sektor perkhidmatan dan pemulihan dalam sektor perkilangan

4. Sektor perkhidmatan masih merupakan pendukung utama kepada perkembangan KDNK. Di suku kedua, pertumbuhan ekonomi diperkukuhkan lagi oleh pemulihan sektor perkilangan. Aktiviti sektor perkilangan pulih pada suku kedua tahun 2002 untuk menjadi pendorong utama pertumbuhan dengan nilai ditambah meningkat sebanyak 5.6% (S1 2002: –2.3%), pertumbuhan positif yang pertama sejak suku pertama tahun 2001. Prestasi

yang lebih baik ini adalah disebabkan oleh pengembangan kukuh dalam pengeluaran bagi industri-industri berorientasikan dalam negeri, serta pemulihan dalam pengeluaran industri-industri berorientasikan eksport, disebabkan terutamanya oleh pemulihan dalam industri elektronik. Dengan prestasi yang bertambah baik, penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan meningkat kepada 82% pada suku kedua (S1 2002: 79%).

5. Pertumbuhan dalam pengeluaran industri-industri berorientasikan dalam negeri adalah lebih tinggi sebanyak 8.4% pada suku kedua (S1 2002: 3.5%), di mana kesemua industri, kecuali industri-industri keluaran petroleum dan tembakau, mencatatkan pertumbuhan positif. Industri-industri bahan-bahan berkenaan pembinaan yang merangkumi keluaran galian bukan logam serta keluaran besi dan keluli mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih tinggi sebanyak 8.6% (S1 2002: 2.6%), disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada aktiviti pembinaan. Industri-industri utama yang lain termasuk industri yang menggeluarkan kelengkapan pengangkutan dan keluaran makanan seperti tepung, beras dan gula masing-masing terus meningkat sebanyak 13% dan 9%. Justeru itu, penggunaan kapasiti dalam industri-industri berorientasikan dalam negeri meningkat kepada 83% pada suku kedua (S1 2002: 80%).

6. Pengeluaran industri-industri berorientasikan eksport sebagai satu kumpulan pulih dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan positif sebanyak 5.7% (S1 2002: –5.5%), dengan kadar penggunaan kapasiti meningkat kepada 82%. Pemulihan adalah lebih nyata dalam industri elektronik. Inventori yang berkurangan, tempahan yang bertambah baik termasuk permintaan terhadap elektronik yang lebih tinggi di rantau Asia Pasifik telah menyebabkan pengeluaran dan eksport elektronik masing-masing meningkat dengan kukuh sebanyak 23.5% dan 16.5% (S1 2002: masing-masing –0.8% dan 1.1%). Peningkatan dalam pengeluaran adalah paling ketara dalam segmen keluaran litar paduan. Ini sebahagiannya disebabkan oleh pemindahan operasi pengeluaran ke Malaysia dari pusat-pusat pengeluaran yang berkos tinggi apabila syarikat multinasional menjalankan penyatuan korporat serta penggantian semula inventori. Dengan peningkatan

pengeluaran elektronik, kadar purata penggunaan kapasiti dalam industri elektronik melebihi paras 80% untuk pertama kalinya sejak suku keempat tahun 2000.

7. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 3.4% disokong oleh keteguhan permintaan untuk rumah mampu dimilik. Perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk pembinaan projek-projek awam juga menyumbang kepada aktiviti yang lebih tinggi dalam sektor ini.

8. Disokong oleh pengukuhan yang menyeluruh dalam keadaan permintaan, pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal kukuh pada 4.5% (S1: 4.4%). Yang paling nyata, subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan telah meningkat sebanyak 7.7% (S1: 8.7%). Pertumbuhan yang menggalakkan bagi sektor ini dicerminkan oleh berian pinjaman bank yang lebih tinggi, terutamanya bagi perumahan dan barang pengguna tahan lama, permintaan yang lebih tinggi bagi produk insurans dan prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur yang lebih baik. Pertumbuhan dalam subsektor utiliti juga adalah kukuh, disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi bagi elektrik oleh pengguna perindustrian dan perdagangan. Pertumbuhan yang lebih kukuh juga dicatatkan oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran, disokong terutamanya oleh perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi.

9. Nilai ditambah sektor pertanian merosot sebanyak 1.3% disebabkan oleh hasil bermusim yang lebih rendah bagi minyak sawit mentah dan koko, serta kemerosotan dalam pengeluaran kayu balak ekoran permintaan luaran yang lebih lemah. Pengeluaran minyak sawit mentah merosot pada suku tersebut apabila pokok kelapa sawit mengalami musim “rehat biologikal” selepas mengeluarkan hasil yang tinggi selama tiga tahun berturut-turut. Namun demikian, isirumah di sektor pertanian turut menyumbang kepada pertumbuhan dalam permintaan penggunaan memandangkan harga purata minyak sawit meningkat kepada RM1,295 setiap tan metrik, getah kepada 287 sen sekilogram dan koko kepada RM4,895 setiap tan metrik pada suku kedua tahun ini.

10. Kemerosotan dalam pengeluaran sektor perlombongan sebanyak 4.6% adalah disebabkan terutamanya oleh kejatuhan dalam pengeluaran gas asli berikutan penutupan sebuah loji gas untuk tujuan penyelengaraan dan permintaan yang lebih rendah daripada pengimport utama pada suku tersebut.

Inflasi kekal rendah

11. Walaupun terdapat pelarasan harga dalam bayaran perkhidmatan telefon pada bulan Mac 2002, kadar inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) kekal rendah di tahap 1.9% berbanding dengan suku kedua tahun 2001(1.4% pada suku pertama).

Pemulihan ketara dalam pasaran buruh

12. Malaysia meneruskan pertumbuhan pada tahap hampir pada gunatenaga penuh. Bilangan pekerja yang diberhentikan kerja merosot sebanyak lebih daripada separuh kepada 4,579 dalam suku kedua.

Kedudukan luaran menjadi lebih kukuh

13. Mencerminkan aktiviti ekonomi dan permintaan luaran yang lebih kukuh, eksport dan import masing–masing meningkat sebanyak 5.3% dan 10%. Keseluruhan lebihan dagangan kekal besar sebanyak RM9.7 bilion, walaupun import meningkat dengan lebih kukuh. Kesemua kategori import mencatatkan pertumbuhan positif. Peningkatan dalam import barangan pengantara sebanyak 6.9% menunjukkan terdapatnya tempahan untuk barangan eksport melewati suku kedua. Import tersebut adalah terutamanya bagi industri elekronik yang berorientasikan eksport, di mana input yang telah diimport bagi subsektor tersebut meningkat sebanyak 23.5%.

14. Aliran masuk dana untuk pelaburan adalah lebih tinggi pada suku tahun kedua. Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa aliran masuk kasar pelaburan langsung asing dalam bentuk ekuiti langsung dan pinjaman antara syarikat berjumlah RM3.3 bilion

pada suku tahun kedua. Kebanyakan daripada dana ini disalurkan ke sektor minyak dan perkhidmatan kewangan. Disebabkan pembayaran balik oleh syarikat kawalan bukan pemaustatin, aliran masuk bersih adalah sebanyak RM0.5 bilion. Pelaburan luar negeri bersih oleh syarikat-syarikat Malaysia adalah sebanyak RM2.4 bilion, sementara pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM3.2 bilion pada suku tahun kedua disebabkan oleh aktiviti pengambilan untung. Arah aliran ini, walau bagaimanapun telah bertukar arah pada tempoh yang berikutan.

15. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat lagi kepada RM129.9 bilion (AS$34.2 bilion) pada 15 Ogos 2002, RM5.4 bilion atau AS$1.4 bilion lebih tinggi daripada paras pada penghujung suku pertama. Peningkatan rizab adalah disebabkan terutamanya oleh pendapatan eksport yang dibawa pulang dan aliran masuk pelaburan jangka panjang yang lebih daripada mencukupi untuk mengimbang aliran keluar jangka pendek bersih yang berkala. Sejak akhir tahun 2001, rizab meningkat sebanyak RM12.6 bilion atau AS$3.3 bilion. Rizab sebanyak RM129.9 bilion adalah memadai untuk membiayai 5.6 bulan import tertangguh dan adalah 5.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

16. Kedudukan hutang luar negeri Malaysia bertambah baik pada suku kedua. Jumlah hutang luar negeri merosot kepada RM176.1 bilion (AS$46.4 bilion) pada akhir bulan Jun berbanding dengan RM178.4 bilion (AS$46.9 bilion) pada akhir bulan Mac. Nisbah hutang luar negeri kepada KNK bertambah baik kepada 54.5%. Kedudukan yang lebih baik ini adalah disebabkan oleh kemerosotan kedua-dua hutang luar negeri jangka pendek dan hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang sektor swasta, mencerminkan terutamanya prabayaran dan pembayaran balik pinjaman yang merupakan sebahagian daripada penstrukturan semula hutang korporat. Kemerosotan hutang sektor swasta adalah melebihi pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan dan kerugian penilaian semula pertukaran asing akibat kenaikan nilai yen dan euro. Pada akhir bulan Jun, hutang luar negeri jangka pendek merosot kepada RM24.1 bilion atau 13.7% daripada jumlah hutang luar negeri berbanding dengan 15.3% daripada jumlah hutang luar negeri pada

akhir bulan Mac. Kemerosotan ini mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman penyambung yang diperoleh oleh syarikat Malaysia pada suku keempat 2001 untuk membiayai pengambilan milik kawalan daripada rakan niaga bukan pemastautin.

Perlaksanaan projek Kerajaan yang lebih cepat

17. Operasi belanjawan Kerajaan Persekutuan mengembang pada suku kedua. Ini mencerminkan terutamanya perlaksanaan projek yang lebih cepat untuk menyokong pemulihan ekonomi. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan mencatatkan defisit fiskal sebanyak RM4 bilion.

Sistem perbankan semakin kukuh…..

18. Dalam suku tahunan kedua 2002, kedudukan modal sistem perbankan terus mengukuh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) yang lebih tinggi sebanyak 12.8%. Nisbah modal teras terus kekal pada paras 10.5%. Nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih untuk klasifikasi 6 bulan menjadi stabil pada 8.1%. Tahap perlindungan kerugian pinjaman berada pada tahap 59.2% (144.7% termasuk nilai cagaran), walaupun sejumlah besar pinjaman telah dihapuskira.

19. Sejak suku pertama 2002, Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menyelesaikan empat lagi kes penyusunan semula, dua kes telah dikeluarkan manakala satu kes ditarikbalik. Baki satu kes lagi masih menunggu kelulusan pemberi pinjaman dan akan dipantau oleh Danaharta. CDRC telah menamatkan operasinya pada 15 Ogos 2002 setelah berjaya menyelesaikan 47 kes atau 98% daripada jumlah kes yang diterima dengan jumlah hutang sebanyak RM43.97 bilion. Profil pemulihan kes yang telah diselesaikan menunjukkan bahawa 83% dari perolehan pemulihan adalah dalam bentuk tunai, instrumen bolehtebus dan hutang yang telah disusun semula.

Dasar monetari kekal akomodatif

20. Dasar monetari yang akomodatif terus menyokong perkembangan ekonomi pada suku tahun kedua. Berikutan daripada kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang lega dan sistem perbankan yang kukuh, jumlah pembiayaan sektor swasta (pinjaman yang dikeluarkan, jumlah terbitan PDS dan dana yang diperoleh dari pasaran ekuiti) meningkat sebanyak 23% pada suku kedua berbanding dengan suku sebelumnya atau RM119.2 bilion (RM97 bilion pada suku pertama). Kadar faedah yang berterusan rendah telah menarik permintaan yang lebih tinggi bagi kredit bank terutamanya daripada isi rumah bagi tujuan pinjaman perumahan dan kereta. Pembiayaan bagi perniagaan juga terus kukuh pada suku kedua, dengan penyaluran yang tinggi bagi sektor perkilangan; sektor borong, runcit, restoran dan hotel; serta sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat terus mengurangkan penglibatan kepada sektor perbankan sebagai sebahagian daripada penstrukturan semula hutang. Oleh itu, pembayaran balik pinjaman oleh syarikat-syarikat adalah lebih tinggi pada suku kedua.

21. Prospek ekonomi yang lebih baik terus menimbulkan minat sektor swasta untuk memperolehi pinjaman baru daripada bank-bank. Kedua-dua permohonan dan kelulusan pinjaman meningkat dalam suku tahun kedua. Sementara itu, sektor swasta terus memperoleh dana daripada pasaran modal dengan jumlah terbitan sekuriti hutang swasta sebanyak RM7.4 bilion (RM2.4 bilion pada suku pertama). Di pasaran ekuiti, terdapat 19 tawaran awam awal (IPO), berjumlah sebanyak RM5.6 bilion, berbanding dengan 12 IPO berjumlah sebanyak RM0.6 bilion yang diperoleh pada suku sebelumnya.

22. Selaras dengan kelemahan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, ringgit menyusut nilai berbanding kedua-dua mata wang utama dan mata wang serantau pada suku kedua tahun 2002.

Tinjauan terdekat kekal menggalakkan

23. Prospek ekonomi Malaysia kekal menggalakkan. Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan dijangka disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan dalam dan luar negeri. Di dalam negeri, indeks komposit penunjuk pelopor mencatatkan pertumbuhan positif pada bulan Mei bagi kali yang kesebelas berturut-turut, menyarankan bahawa ekonomi Malaysia adalah dalam fasa pengembangan. Indeks Serentak, suatu penunjuk keadaan semasa aktiviti ekonomi keseluruhannya, menunjukkan pertumbuhan positif pada bulan Mei untuk bulan kedua berturut-turut.

24. Tinjauan sentimen pengguna dan perniagaan MIER juga menunjukkan peningkatan sentimen pengguna dan pelabur. Pertambahan dalam Indeks Sentimen Pengguna mencerminkan yang pendapatan akan terus bertambah baik di samping keadaan pasaran buruh yang stabil. Pengukuhan Indeks Keadaan Perniagaan pada suku kedua sebanyak 5.6 mata kepada 57.5 mata, iaitu paras tertinggi sejak suku keempat tahun 2000, dan peningkatan dalam kesemua lapan komponen indeks tersebut, memperlihatkan yang pertumbuhan ekonomi akan berterusan kukuh.

25. Dalam tempoh antara bulan Mac hingga April 2002, empat agensi penarafan kredit antarabangsa, iaitu Standard and Poor's, Moody's Investors Service, Fitch Ratings dan Rating and Investment Inc. telah menilai semula tinjauan terhadap penarafan hutang Kerajaan Malaysia daripada 'stabil' kepada 'positif'. Keseluruhannya, agensi-agensi tersebut menjelaskan bahawa penyemakan positif penarafan adalah disebabkan oleh sektor kewangan yang semakin kukuh, aktiviti penstrukturan semula korporat yang dipercepatkan dan lebihan akaun semasa yang terus meningkat, kedudukan rizab antarabangsa dan mudahtunai yang baik dan keutuhan ekonomi keseluruhannya.

26. Pada 7 Ogos 2002, Fitch Ratings meningkat taraf hutang jangka panjang Malaysia yang didenominasikan dalam matawang luaran dan tempatan sebanyak satu tahap kepada 'BBB+' daripada 'BBB' dan 'A' daripada 'A-', masing-masing, dengan tinjauan penarafan 'stabil'. Pada 20

Ogos 2002, S&P menaikkan taraf hutang jangka panjang Malaysia yang didenominasikan dalam matawang luaran dan tempatan sebanyak satu tahap kepada 'BBB+' daripada 'BBB' dan 'A+' daripada 'A', masing-masing dengan tinjauan penarafan 'stabil'.

27. Sungguhpun kelemahan di pasaran kewangan global berikutan masalah korporat AS baru-baru ini menimbulkan kebimbangan, tindak balas dasar di seluruh dunia adalah cenderung ke arah menyokong pemulihan. Di AS, walaupun risiko telah meningkat, pentunjuk-pentunjuk yang lain menunjukkan pertumbuhan akan berterusan, tetapi pada kadar yang lebih perlahan daripada jangkaan awal. Di Eropah dan Jepun, indeks pembeli pengurus menunjukkan peningkatan yang berterusan tetapi lebih sederhana dalam aktiviti perindustrian.

28. Data ekonomi terkini bagi rantau Asia menunjukkan pengukuhan yang berterusan dalam aktiviti ekonomi serantau. Pertumbuhan semakin seimbang dengan pengukuhan permintaan dalam negeri turut disokong oleh peningkatan dalam eksport. Pada suku kedua tahun 2002, kebanyakan negara serantau mencatatkan pertumbuhan eksport yang positif bagi pertama kalinya pada tahun ini.

29. Permintaan dalam negeri memainkan peranan yang lebih besar dalam pertumbuhan serantau pada tahun ini, dibantu oleh dasar kewangan yang akomodatif dan langkah-langkah fiskal mengembang. Rantau ini juga mendapat manfaat daripada peningkatan perdagangan antara rantau yang disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang memberangsangkan. Dengan memperteguhkan sumber pertumbuhan tersebut, ekonomi-ekonomi serantau dijangka dapat mengimbangkan sumber pertumbuhan dan memperbaiki daya tahan mereka terhadap perkembangan data ekonomi dunia.

Bank Negara Malaysia
21 August 2002

Carta 1: Pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 3.8% pada suku ke-2...



Carta 2 : Perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh dan menyeluruh pada suku ke-2 ...



Carta 3 : Penurunan sederhana dalam pembentukan modal tetap kasar ...



Carta 4 : Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi ...



Carta 5: Pemulihan dalam sektor perkilangan...



Carta 6 : Penggunaan kapasiti sektor perkilangan melebihi paras 80% ...



Carta 7 : Pertumbuhan yang lebih kukuh di sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan

Perkilangan:	Bertukar menjadi positif disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan pasaran tempatan dan eksport
Perkhidmatan:	Disokong oleh pengembangan dalam perkhidmatan pengantara dan akhir
Pembinaan:	Disokong oleh projek perumahan dan awam
Pertanian & perlombongan:	Pengeluaran minyak sawit mentah dan gas asli yang lebih rendah

Carta 8 : Pertumbuhan keseluruhan KDNK lebih kukuh

KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi

	2001		2002	
	Perubahan tahunan dalam %			
	3Q	4Q	1Q	2Q
Perkilangan	-9.1	-8.4	-2.3	5.6
Perkhidmatan	6.0	5.8	4.4	4.5
Pembinaan	2.6	2.5	2.9	3.4
Pertanian	-3.5	-4.2	-5.0	-1.3
Perlombongan	2.2	1.3	1.4	-4.6
KDNK (Perubahan tahunan)	-0.9	-0.5	1.1	3.8
KDNK (perubahan berbanding suku sebelumnya)	1.8	1.2	-2.9	3.9

Carta 9 : Indeks pelopor - Malaysia masih dalam fasa pengembangan…



Carta 10 : Keyakinan pengguna dan pelabur bertambah baik



Carta 11 : Kedudukan luaran lebih kukuh…

	2001	2002	
	S4	S1	S2
	(perubahan tahunan %)		
Eksport kasar	-13.2	-4.7	5.3
Import kasar	-10.3	-5.0	10.0
Imbangan perdagangan (RM bilion)	12.8	13.0	9.7

- Pelaburan langsung asing lebih tinggi
- Rizab lebih tinggi

Carta 12 : Pertumbuhan positif dalam eksport... terutama ke ASEAN, China dan AS

Pasaran eksport	Perubahan tahunan (%)			
	2000	2001	2002	
			S1	S2
Asia Timur – kecuali Jepun	24.6	-10.9	2.6	17.5
ASEAN	29.7	-15.1	-1.2	12.1
Korea	31.2	-10.5	-8.3	2.3
China	30.6	26.2	24.7	48.4
Jepun	30.8	-8.7	-19.0	-22.5
Amerika Syarikat	8.8	-11.6	-3.1	12.9
Kesatuan Eropah	1.0	-10.9	-11.4	-8.6

Carta 13 : Aliran masuk pelaburan langsung asing ke Malaysia adalah lebih tinggi…



Sumber: Sistem Laporan Imbangan Pembayaran berasaskan tunai, BNM. Tidak termasuk pendapatan yg. tidak diagihkan

Carta 14 : Rizab antarabangsa meningkat lagi…



Carta 15 : Hutang luar negeri merosot…

- Prabayaran dan pembayaran balik oleh sektor swasta
- Hutang jangka pendek merosot
- Kenaikan hutang sektor awam yang sederhana

Carta 16 : Hutang luar negeri merosot…



Carta 17 : Perkembangan dalam sistem perbankan...



- RWCR mengukuh kpd 12.8% (Suku 1 '02 : 12.5%)
- CCR kekal melebihi 10.5% (Suku 1 '02 : 10.7%)



- Nisbah NPL bersih stabil dan berada pada tahap yang terkawal iaitu 8.1%
- NPL baru diklasifikasi menurun sebanyak 25.8%
- Tahap lindungan kerugian pinjaman berjumlah 59.2% dari NPL

Carta 18 : Perkembangan dalam sistem perbankan...





- Operasi CDRC telah ditamatkan
- Telah menyelesaikan 98% drp kes yang diterima dengan jumlah hutang sebanyak RM44bilion
- Danaharta telah menstrukturkan semula atau telah meluluskan 99.9% dari NPL di bawah jagaannya
- Suntikan modal oleh Danamodal kekal pada RM2.1 bilion

Carta 19 : Dasar Monetari kekal akomodatif… Berian pinjaman bank terus meningkat



- Keadaan mudah tunai yang lega menyebabkan kadar pinjaman yang kompetitif
- Kadar faedah yang ditawarkan bagi pinjaman perumahan dan kereta adalah lebih rendah drp. BLR

Carta 20 : Pembiayaan kasar sektor swasta lebih tinggi selaras dengan pemulihan ekonomi…





Carta 21 : Sektor isirumah memberikan tindakbalas positif terhadap dasar yang bertujuan menggalakkan penggunaan domestik…



- Permintaan yang kukuh terhadap pinjaman perumahan dan kereta
- Kadar risiko mungkir untuk pinjaman ini kekal rendah

Carta 22 : Berian pinjaman kepada perusahaan perniagaan juga kekal tinggi…

- Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi merangkumi kebanyakan sektor
  - Perkilangan
  - Perdagangan borong dan runcit



Carta 23 : Permintaan yang lebih kukuh terus dibiayai oleh aktiviti berian pinjaman bank…

- Permohonan dan kelulusan pinjaman mencatatkan jumlah tertinggi semenjak suku ke-3 tahun 2000
- Kadar peratusan pinjaman yang ditolak oleh bank menurun

Carta 24:

Permohonan pinjaman



Pinjaman yang diluluskan dan ditolak



Carta 25 : Perkembangan dalam kadar pertukaran Ringgit…

- Pasaran pertukaran asing antarabangsa mengalami turun naik yang ketara dalam tempoh April hingga Julai
- Ringgit agak lemah berbanding mata wang utama dan mata wang serantau pada suku kedua
- Dalam bulan Julai, nilai Ringgit terus merosot berbanding kebanyakan mata wang utama, sementara menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau
- Ringgit kekal hampir dengan nilai asasnya dan terus disokong oleh asas-asas ekonomi

Carta 26 : Perkembangan kadar pertukaran Ringgit…



Carta 27 : Pemulihan ekonomi Malaysia dijangka berterusan …

- Pemulihan ekonomi global akan berterusan,walaupun pada kadar yang lebih sederhana:
  - Sungguhpun wujud risiko baru, beberapa penunjuk menunjukkan pertumbuhan di Amerika Syarikat akan berterusan
  - Perkembangan yang berterusan tetapi sederhana dalam aktiviti perindustrian di Eropah dan Jepun
  - Pertumbuhan ekonomi Asia disokong oleh permintaan domestik dan pemulihan dalam eksport

Ekonomi serantau bertambah kukuh…

Pertumbuhan KDNK benar (pertumbuhan tahunan dlm %)

	S1 '02	S2 '02	2002 r
China	7.6	8.0	7.0
Korea	5.7	n.a.	6.5
Taiwan	1.2	4.0	3.1
Singapura	-1.5	3.9	3.0~4.0
Hong Kong	-0.5	n.a.	1.0
Indonesia	2.5	3.5	3.5~4.0
Negeri Thai	3.9	n.a.	3.0~4.0
Filipina	3.8	n.a.	4.0~4.5

Jadual 1 : KDNK Suku Tahunan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada harga 1987

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	Perubahan tahunan dalam %						
Pertanian	14.0	3.7	-3.5	-4.2	1.8	-5.0	-1.3
Perlombongan	1.3	1.7	2.2	1.3	1.6	1.4	-4.6
Pembuatan	1.0	-7.6	-9.1	-8.4	-6.2	-2.3	5.6
Perkilangan	0.8	3.2	2.6	2.5	2.3	2.9	3.4
Perkhidmatan	4.7	6.2	6.0	5.8	5.7	4.4	4.5
KDNK benar (perubahan tahunan)	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**0.4**	**1.1**	**3.8**
KDNK benar (perubahan berbanding suku sebelumnya)	**-4.4**	**1.1**	**1.8**	**1.2**	**-**	**-2.9**	**3.9**

Jadual 2 : KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar 1987)

	2001				2002	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
	(Annual change in %)					
Penggunaan	5.5	4.1	5.6	7.6	4.8	7.8
Sektor Swasta	*3.8*	*1.7*	*2.2*	*3.3*	*3.0*	*5.6*
Sektor Awam	*15.3*	*13.3*	*18.3*	*21.8*	*13.4*	*15.4*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.3	0.2	-10.2	-8.1	-8.5	-2.1
Eksport Barangan & Perkhidmatan	6.4	-6.0	-16.3	-12.0	-6.5	3.1
Import Barangan & Perkhidmatan	7.5	-8.1	-20.1	-10.5	-4.8	6.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**3.0**	**0.4**	**-0.9**	**-0.5**	**1.1**	**3.8**

Jadual 3 : Prestasi Sektor Perkhidmatan
(Nilai ditambah dalam RM juta pada harga 1987)

	2001				2002	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
	Perubahan tahunan dalam %					
Perkhidmatan Pengantara	**6.3**	**10.1**	**9.8**	**8.7**	**6.0**	**5.6**
Pengangkutan, penyimpanan & perhubungan	10.0	10.8	6.7	2.9	1.9	2.4
Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan	4.0	9.6	11.9	12.5	8.7	7.7
Perkhidmatan Akhir	**3.7**	**3.8**	**3.7**	**3.9**	**3.4**	**3.7**
Elektrik, gas & air	10.2	7.7	6.4	3.7	8.2	7.7
Perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	3.5	2.8	3.2	2.7	2.0	2.8
Perkhidmatan Kerajaan	2.1	5.7	4.5	6.0	3.3	2.6
Perkhidmatan lain	2.1	2.2	2.8	4.6	3.6	4.2
Jumlah Perkhidmatan	**4.7**	**6.2**	**6.0**	**5.8**	**4.4**	**4.5**

Jadual 4: Prestasi Sektor Perkilangan

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	TAHUN	S1	S2/a
	Perubahan tahunan %						
Nilai ditambah (harga malar)	**1.0**	**-7.6**	**-9.1**	**-8.4**	**-6.2**	**-2.3**	**5.6**
Pengeluaran Keseluruhan	**4.2**	**-7.9**	**-10.5**	**-10.9**	**-6.6**	**-3.4**	**6.4**
Industri berorientasikan eksport	2.0	-11.4	-15.5	-15.3	-10.4	-5.5	5.7
antaranya:							
Bukan berasaskan sumber							
* *Elektronik*	*-1.2*	*-25.3*	*-27.5*	*-23.8*	*-20.2*	*-0.8*	*23.5*
* *Barangan elektrik*	*8.6*	*3.4*	*-10.4*	*-9.4*	*-2.8*	*-9.3*	*-8.2*
* *Tekstil & pakaian*	*3.0*	*-9.7*	*-11.4*	*-14.2*	*-8.3*	*-14.9*	*-6.7*
Berasaskan sumber							
* *Bahan kimia dan keluaran kimia*	*-1.6*	*-7.2*	*-8.2*	*-13.7*	*-7.7*	*-8.8*	*-2.0*
* *Pemprosesan luar estet*	*10.4*	*13.5*	*4.0*	*3.7*	*7.7*	*1.0*	-2.9
* *Keluaran getah*	*10.8*	*4.2*	*-0.7*	*-0.3*	*3.3*	*-4.5*	*-0.7*
* *Kayu dan keluaran kayu* [1/]	*12.4*	*1.3*	*-2.0*	*-5.5*	*1.2*	*-15.4*	*-6.2*
Industri berorientasikan dalam negeri	12.1	4.3	7.2	4.8	7.0	3.5	*8.4*
antaranya:							
Bukan berasaskan sumber							
* *Kelengkapan pengangkutan*	*18.9*	*18.4*	*23.2*	*15.3*	*19.0*	*18.0*	*13.0*
* *Keluaran logam yang direka*	*10.6*	*6.4*	*4.7*	*-4.8*	*3.9*	*-4.9*	*11.2*
* *Besi dan keluli dan logam bukan ferum*	*9.6*	*-7.3*	*-2.4*	*-0.9*	*-0.7*	*-3.3*	*11.1*
Berasaskan sumber							
* *Keluaran galian bukan logam*	*15.4*	*9.7*	*6.6*	*7.6*	*9.6*	*8.0*	*6.5*
* *Keluaran petroleum*	*21.0*	*8.7*	*18.6*	*30.0*	*19.3*	*3.4*	*-7.5*
* *Makanan*	*8.6*	*0.0*	*3.1*	*6.1*	*4.3*	*12.4*	*9.0*
Jumlah Eksport Perkilangan	**3.5**	**-9.1**	**-20.4**	**-12.4**	**-10.3**	**-4.0**	**5.5**
* Elektronik	-2.1	-18.5	-26.5	-16.0	-16.3	1.1	16.5
- *Separa konduktor*	*15.1*	*-15.1*	*-30.4*	*-22.8*	*-14.9*	*-13.2*	*15.6*
- *Komponen elektronik*	*-13.6*	*-21.0*	*-23.6*	*-10.5*	*-17.3*	*13.8*	*17.3*
* Barangan elektrik	9.4	6.2	-16.8	-12.6	-4.7	-13.9	-12.5
* Keluaran kayu	-0.5	-9.1	-17.7	-17.4	-11.5	-12.6	-7.3
* Barangan perabot	-9.9	-16.2	-16.9	-10.5	-13.5	3.2	9.7
* Tekstil, pakaian & kasut	-5.1	-8.3	-18.7	-19.6	-13.2	-17.0	-14.0
* Peralatan optikal & saintifik	29.9	23.4	3.2	7.2	14.3	5.6	-1.9
* Bahan kimia dan keluaran kimia	21.9	-1.8	-15.9	-2.5	-0.9	-6.1	14.7
* Keluaran petroleum	39.5	-2.5	-8.3	-8.0	3.4	-35.6	-16.2

[1/] Pengeluaran barangan perabot tidak termasuk dalam data pengeluaran kayu.

Jadual 5

Perkilangan : Purata Penggunaan Kapasiti Sukuan [1/]

Industri	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	TAHUN	S1	S2 /a
Keseluruhan	**79**	**78**	**76**	**78**	**78**	**79**	**82**
Berorientasikan eksport antaranya:	**80**	**78**	**74**	**77**	**77**	**78**	**82**
Elektronik	73	75	70	78	74	79	85
- Syarikat multinasional	*62 - 88*	*68 - 100*	*61 – 103*	*70 - 99*	*62 - 97*	*64 - 100*	*71 - 100*
- Syarikat Malaysia [2/]	*-*	*-*	*-*	*-*	*-*	*30 - 50*	*45 - 73*
Barangan elektrik	83	80	75	82	80	70	77
Bahan kimia dan keluaran kimia	97	81	82	84	86	85	81
Tekstil dan pakaian	80	76	79	75	77	85	87
Berorientasikan dalam negeri antaranya:	**77**	**80**	**80**	**80**	**79**	**80**	**83**
Keluaran petroleum	79	82	85	85	83	87	82
Keluaran galian bukan logam	67	68	66	65	66	71	70
Kelengkapan pengangkutan	91	92	96	95	93	99	102
Makanan, minuman dan tembakau	83	84	78	82	82	74	75

a anggaran
Sumber: Kaji Selidik Sukuan Penggunaan Kapasiti Perkilangan

[1/] Keputusan adalah berlainan daripada Kaji Selidik Syarikat-Syarikat Tahunan (ASC) disebabkan oleh saiz sampel yang berbeza. ASC merangkumi lebih banyak syarikat (240) manakala Kaji Selidik Sukuan hanya merangkumi 90 buah syarikat.

[2/] Syarikat elektronik Malaysia hanya dimasukkan dalam Kaji Selidik Sukuan bermula tahun 2002.

Jadual 6: Prestasi Sektor Perlombongan

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	Perubahan tahunan (%)						
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**1.3**	**1.7**	**2.2**	**1.3**	**1.6**	**1.4**	**-4.6**
Pengeluaran							
Di antaranya:							
Minyak mentah dan kondensat ('000 tong)	-4.2	-2.9	-0.7	-1.8	-2.4	4.0	-1.4
Gas asli (bersih) (juta kaki padu)	5.9	5.2	2.8	1.1	3.7	-1.6	-13.5
Eksport (RM juta)	**1.5**	**-3.7**	**-14.9**	**-30.6**	**-12.6**	**-26.5**	**-13.4**
Di antaranya:							
Minyak mentah							
('000 tan metrik)	-1.7	-4.6	-13.4	-18.0	-9.6	-2.4	7.0
(AS$/tong)	3.7	-0.8	-16.4	-36.7	-13.7	-26.2	-12.0
(RM juta)	2.0	-5.3	-27.7	-48.1	-21.9	-28.0	-5.8
Gas asli cecair							
('000 tan metrik)	-4.8	5.0	5.4	-1.9	0.4	-2.8	-19.7
(RM/tan metrik)	5.7	1.1	-2.0	-8.8	-1.1	-17.2	-16.1
(RM juta)	0.6	6.2	3.3	-10.5	-0.7	-19.5	-32.6

Jadual 7: Prestasi Sektor Pertanian

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	Perubahan tahunan (%)						
Nilai ditambah (RM juta pada harga tahun 1987)	**14.0**	**3.7**	**-3.5**	**-4.2**	**1.8**	**-5.0**	**-1.3**
Pengeluaran [1/]							
Di antaranya:							
Minyak sawit mentah	27.6	17.2	2.4	-4.1	8.9	-8.4	-3.5
Getah	-11.7	-21.8	-6.3	-5.1	-11.1	1.2	7.0
Kayu balak	-15.7	-13.9	-15.9	-12.1	-14.5	-16.0	-11.7
Koko	-6.7	-14.6	-11.2	-37.5	-17.9	-44.7	-14.2
Eksport (RM juta)	**-16.9**	**-17.6**	**-13.3**	**-4.8**	**-13.2**	**7.0**	**25.5**
Di antaranya:							
Minyak sawit							
('000 tan metrik)	24.4	36.8	13.5	3.0	18.1	-11.8	3.0
(RM/tan metrik)	-34.0	-29.8	-6.3	10.8	-15.9	41.0	45.4
(RM juta)	-17.9	-4.0	6.3	14.1	-0.7	24.4	49.8
Getah							
('000 tan metrik)	-6.5	-18.7	-21.6	-16.5	-16.0	-10.5	18.8
(Sen/kg)	-12.0	-15.1	-10.3	-14.5	-12.7	-11.6	11.1
(RM juta)	-17.7	-31.0	-29.7	-28.6	-26.6	-21.0	32.0
Kayu balak							
('000 meter padu)	-26.9	-31.7	-24.4	-18.2	-25.5	-7.5	-6.4
(RM/meter padu)	-7.6	-17.5	-23.8	-20.4	-17.9	-10.2	6.8
(RM juta)	-32.4	-43.6	-42.4	-34.9	-38.8	-17.0	0.0

1/ Dalam '000 tan metrik, kecuali kayu balak dalam '000 meter padu

Jadual 8 : Akaun Perdagangan

	2001					2002	
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**
	Perubahan tahunan dalam %						
Eksport Kasar	1.7	-8.9	-19.2	-13.2	-10.4	-4.7	5.3
Perkilangan	*3.5*	*-9.1*	*-20.4*	*-12.4*	*-10.3*	*-4.0*	*5.5*
Pertanian	*-16.9*	*-17.6*	*-13.3*	*-4.8*	*-13.2*	*7.0*	*25.5*
Galian	*1.5*	*-3.7*	*-14.9*	*-30.6*	*-12.6*	*-26.5*	*-13.4*
Import Kasar	7.3	-10.3	-22.5	-10.3	-9.9	-5.0	10.0
Barangan modal	*42.8*	*-5.0`*	*-24.4*	*-2.6*	*-1.1*	*-15.7*	*15.4*
Barangan pengantara	*2.2*	*-11.7*	*-25.6*	*-14.7*	*-13.3*	*-4.8*	*6.9*
Barangan penggunaan	*2.7*	*-1.1*	*-5.8*	*11.4*	*2.3*	*7.6*	*10.1*
Imbangan perdagangan (RM bn)	**13.3**	**12.4**	**15.2**	**12.8**	**53.7**	**13.0**	**9.7**

Jadual 9: Imbangan Pembayaran

	2001					2002	
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**
	RM bilion						
Eksport kasar (f.o.b.)	86.2	82.8	82.2	83.3	334.4	82.1	87.2
Import kasar (c.i.f.)	72.8	70.4	67.0	70.5	280.7	69.2	77.5
Imbangan perdagangan	**13.3**	**12.4**	**15.2**	**12.8**	**53.7**	**13.0**	**9.7**
Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)	103.3	98.8	112.9	117.2	117.2	124.4	127.7
- Sebutan AS$	27.2	26.0	29.7	30.8	30.8	32.7	33.6

Jadual 10: Hutang Luar Negeri Yang Belum Dijelaskan

	2001			2002	
	S2	S3	S4	S1	S2
	RM bilion				
Hutang Jangka Sederhana & Panjang	142.1	146.9	149.2	151.1	152.1
Sektor awam	87.5	92.6	91.7	94.4	96.2
Sektor swasta	54.6	54.3	57.5	56.7	55.9
Hutang Jangka Pendek	18.1	20.2	24.0	27.4	24.1
Jumlah Hutang Luar Negeri	160.2	167.1	173.2	178.4	176.1
- Sebutan AS$	42.2	44.0	45.6	46.9	46.4

Jadual 11: Kewangan Kerajaan Persekutuan [a/]

	2001					2002	
	S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2
	RM bilion						
Hasil	14.6	20.7	18.5	25.7	79.6	17.1	19.6
Perbelanjaan mengurus	11.3	13.4	14.3	24.8	63.8	14.7	15.6
Akaun semasa	**3.3**	**7.4**	**4.2**	**1.0**	**15.8**	**2.4**	**4.0**
Perbelanjaan pembangunan kasar	5.3	5.7	7.3	16.9	35.2	3.9	8.1
Terimaan balik pinjaman	0.4	0.1	0.2	0.3	1.0	0.2	0.1
Imbangan keseluruhan	**-1.6**	**1.8**	**-3.0**	**-15.6**	**-18.4**	**-1.3**	**-4.0**
Memo item: Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	128.9	129.3	138.4	145.7		146.0	149.6
	Perubahan tahunan dalam %						
Hasil	30.4	24.3	19.8	38.7	28.6	17.1	-5.5
Perbelanjaan mengurus	44.8	4.8	-2.3	16.1	12.8	30.2	16.9
Perbelanjaan pembangunan kasar	110.1	-0.1	10.4	29.1	26.1	-27.1	42.5

[a/] Awalan

Jadual 12: Petunjuk Monetari

	2001					2002	
	S1	**S2**	**S3**	**S4**	**Tahun**	**S1**	**S2**
	Pertumbuhan Tahunan (% pada akhir tempoh)						
M1	5.2	4.4	11.6	3.2	3.2	12.3	14.2
M2	3.6	3.0	5.0	2.2	2.2	6.1	6.3
M3	4.5	4.0	5.4	2.9	2.9	6.1	6.5
Pinjaman[1/]	5.5	6.0	5.7	3.6	3.6	4.6	3.8
Deposit	2.8	3.6	4.0	1.8	1.8	4.5	3.2
	Pada tempoh (RM bilion)						
Kelulusan	29.7	31.1	35.3	29.6	125.6	30.9	35.9
Pengeluaran	91.2	93.1	93.6	92.3	370.2	92.6	104.8
Pembayaran balik	89.3	86.2	91.8	95.1	362.3	88.4	100.1
	Pada akhir tempoh (%)						
Kadar faedah antara bank							
1 bulan	2.99	2.99	2.81	2.97	2.97	2.74	2.97
3 bulan	3.04	3.00	3.28	3.27	3.27	3.24	3.21
Deposit tetap bank perdagangan							
1 bulan	3.44	3.44	3.20	3.20	3.20	3.20	3.20
3 bulan	3.46	3.45	3.21	3.21	3.21	3.21	3.21
BLR bank perdagangan	6.79	6.79	6.39	6.39	6.39	6.39	6.39
	Purata Pertumbuhan Tahunan % bagi tempoh						
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	1.5	1.6	1.4	1.2	1.4	1.4	1.9
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)	-4.7	-4.7	-4.3	-6.4	-5.0	-0.9	2.7

1/ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta

Jadual 13: Petunjuk Kewangan Sistem Perbankan

	2000				2001				2002	
	Mac.	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**	**Mac.**	**Jun.**	**Sep.**	**Dis.**	**Mac.**	**Jun.**
Modal										
Nisbah Modal Teras(%)	10.6	10.7	10.8	10.7	10.2	10.5	10.5	10.8	10.7	10.5
RWCR (%)	13.0	13.0	13.1	12.5	12.1	12.6	12.5	12.8	12.5	12.8
NPL Bersih (Klasifikasi 6-bulan)										
Sistem Perbankan (%)	6.3	6.5	6.7	6.3	7.1	8.0	8.2	8.1	8.2	8.1
Sistem Perbankan (RM juta)	23,553	24,574	25,858	24,700	27,989	32,292	32,995	32,775	33,535	33,616
Peruntukan Am/ Jumlah Pinjaman Bersih (6-bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

** Bermula Jun 1999, jadual ini mengambilkira institusi perbankan Islam*

Jadual 14: Danaharta

	2000			2001				2002
	Jun.	Sep.	Dec.	Mar.	Jun.	Sep.	Dec.	Jun.
Jumlah Hak Milik Pinjaman yang Diambil Alih (RM b)	46.8	46.8	47.5	48.0	48.0	48.1	47.7	47.7
- Diambil Alih	*20.5*	*20.5*	*20.4*	*20.4*	*20.1*	*20.1*	19.8	19.8
- Di bawah Pengurusan	*26.3*	*26.3*	*27.1*	*27.6*	*27.9*	*28.0*	27.9	27.9
Jumlah Hak Milik Pinjaman yang Diambil Alih (RM b)	46.8	46.8	47.5	48.0	48.0	48.1	47.7	47.7
- Telah Distruktur Semula/ Telah Menerima Kelulusan	31.5	33.7	35.1	38.7	39.1	40.1	47.7	47.7
- Belum Distruktur Semula	15.3	13.1	12.4	9.3	8.9	8.0	**	**
Anggaran Nisbah Pulangan Purata (%)	73	74	66	60	57	57	56	57

**Terlalu kecil

Sumber: Pengurusan Danaharta Nasional Berhad

Jadual 15: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat

		2000		2001				2002	
		Jun.	Dis.	Mac.	Jun.	Sep.	Dis.	Mac.	Aug.
Permohonan Diterima	No.	71	75	75	75	84	86	87	87
	RM'm	39,643	47,210	47,210	47,379	65,899	66,813	67,644	67,644
Ditarik balik/ Ditolak	No.	16	21	21	21	22	23	25	28
	RM'm	3,823	7,826	7,826	7,826	9,516	10,069	10,606	12,615
Dirujuk kepada Danaharta	No.	9	9	9	9	11	11	11	11
	RM'm	1,814	1,814	1,814	1,814	2,470	2,470	2,470	2,470
Layak untuk Distruktur Semula	No.	46	45	45	45	51	52	51	50
	RM'm	34,006	37,570	37,570	37,739	53,913	54,274	54,568	54,438
Telah Diselesaikan	No.	25	33	35	37	31	37	43	47
	RM'm	18,346	26,431	26,771	28,531	27,264	34,489	37,771	43,971
Belum Diselesaikan	No.	21	12	10	8	20	15	8	1*
	RM'm	15,660	11,139	10,799	9,208	26,649	19,785	16,797	8,588

Nota : * Akaun dalam pantauan – sehingga kelulusan pemberi pinjam diperolehi

Jadual 16 : BSKL – Petunjuk Pasaran Terpilih

	Pada akhir					
	2001				2002	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
Indeks Harga						
- Komposit	647.48	592.99	615.34	696.09	756.10	725.44
- EMAS	149.15	142.29	145.84	165.23	181.72	176.5
- Papan Kedua	107.64	106.93	109.61	134.13	132.29	119.84
Purata urus niaga harian						
- Jumlah (juta unit)	107.3	121.5	306.8	276.4	304.9	299.3
- Nilai (RM juta)	255.2	225.6	485.3	427.6	636.1	643.8
Permodalan Pasaran (RM bilion)	418.23	403.49	411.35	464.98	517.63	505.89
Bilangan Sysrikat yang Disenaraikan	802	809	807	812	826	843